

## **BAB ENAM**

### **KESIMPULAN**

#### **6.0 PENGENALAN**

Bab ini memaparkan kesimpulan kepada kajian yang telah dibuat. Sebelum kesimpulan secara keseluruhan bagi dapatan kajian dibuat, penulis akan mengimbas semula tujuan kajian ini dibuat supaya perbincangan seterusnya akan menghasilkan jawapan kepada persoalan kajian yang dikemukakan dalam bab satu (bahagian 1.6).

Kajian ini merupakan kajian diakronik istilah Kajihayat dan Biologi, khususnya perubahan morfologi dan semantik istilah-istilah berkenaan selepas tempoh 20 tahun. Kajian ini dibuat untuk menghasilkan jawapan yang ilmiah dan saintifik terhadap kritikan tentang perubahan bahasa khususnya istilah yang dikatakan kerap berubah daripada istilah yang sudah mantap, biasa dan lebih Melayu kepada istilah yang baru, sukar dan disesuaikan daripada istilah asing. Pertama, dalam pengenalan kepada kajian, penulis telah membentangkan tentang perubahan bahasa secara umum, sejarah perkembangan peristilahan Kajihayat dan Biologi dalam tempoh 20 tahun, teori-teori dan tatacara dalam pembentukan istilah serta beberapa definisi istilah dan konsep yang digunakan dalam kajian ini.

- Empat persoalan yang dikemukakan pada bahagian 1.6 ialah,
1. Apakah perubahan bahasa berlaku dalam dua tempoh masa yang berlainan ?
  2. Adakah perubahan yang berlaku melibatkan perubahan morfologi dan/atau semantik, serta apakah perkaitan antara kedua-duanya ?
  3. Apakah terdapat pola tertentu perubahan bahasa dari segi morfologi dalam dua tempoh masa yang berlainan ?

4. Adakah terdapat persamaan atau perbezaan kepelbagaiannya bentuk bahasa dalam dua tempoh masa yang berlainan ?

Perbincangan untuk menjawab persoalan kajian ini akan dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu kesimpulan, cadangan dan penutup.

## 6.1 KESIMPULAN

Kajian ini telah membuktikan bahawa perubahan istilah memang berlaku selepas tempoh 20 tahun. Ini dibuktikan oleh peratus istilah berubah bentuk yang tinggi berbanding dengan peratus istilah yang tidak berubah bentuknya jika dibincangkan dari segi morfologi. Peratus istilah yang berubah bentuknya ialah 84.6% berbanding dengan 15.4% istilah yang mengekalkan bentuknya. Hal ini seajar dengan pendapat Milroy (1992 : 1 – 19) yang mengatakan bahawa bahasa manusia itu sentiasa berubah dari dahulu hingga sekarang. Malahan perubahan bahasa seolah-olah merupakan suatu perkara semula jadi dalam tabii bahasa. Walau bagaimanapun, didapati bahawa istilah yang mengalami perubahan morfologi itu tidak semestinya mengalami perubahan makna. Analisis semantik menunjukkan bahawa perubahan makna hanya berlaku terhadap beberapa istilah yang mengalami perubahan bentuk dari segi lambang kata dan kategori kata, manakala istilah yang berubah dari segi ejaan pula tidak mengalami perubahan makna.

### 6.1.1 Jenis-jenis Perubahan Bentuk Istilah

Untuk menjawab persoalan kedua kajian ini, iaitu apakah terdapat pola tertentu perubahan bahasa dalam dua tempoh masa berkenaan didapati bahawa perubahan bentuk istilah tersebut dapat dibahagikan kepada beberapa jenis, iaitu ;

- (a) Perubahan yang melibatkan faktor sejarah.

- (b) Perubahan yang melibatkan pemilihan lambang linguistik yang berlainan.
- (c) Perubahan yang melibatkan kategori kata.
- (d) Perubahan yang melibatkan gabungan faktor-faktor di atas dan faktor selain a-c.

#### **6.1.1.1 Perubahan Yang Melibatkan Faktor Sejarah**

Perubahan jenis ini berlaku kerana sistem tertentu, misalnya ejaan, diubah demi untuk memperbaiki sistem bahasa berkenaan. Walau bagaimanapun, perubahan jenis ini hanya melibatkan perubahan ejaan, tetapi tidak melibatkan perubahan makna kata berkenaan. Misalnya, ‘asidiam’ menjadi ‘aesidium’, ‘lobula’ menjadi ‘lobul’, ‘usus kechil’ menjadi ‘usus kecil’, ‘luroh’ menjadi ‘luruh’ dan ‘anjiosprema’ menjadi ‘angiosperma’.

#### **6.1.1.2 Perubahan Yang Melibatkan Lambang Linguistik Yang Berlainan**

Perubahan jenis ini berlaku apabila suatu lambang linguistik bagi sesuatu istilah digantikan dengan lambang linguistik lain. Lambang linguistik itu boleh terdiri daripada asal-usul yang sama atau yang berlainan. Misalnya, ‘melunjur’ menjadi ‘melata’, ‘belah’ menjadi ‘bedah’, ‘kulit luar’ menjadi ‘epidermis’, ‘kepompong’ menjadi ‘pupa’, ‘tangkai kilang’ menjadi ‘adenofor’ dan ‘pernapasan berudara’ menjadi ‘respirasi aerob’. Daripada pemerhatian, didapati bahawa perubahan jenis ini dibuat untuk memilih kata yang lebih tepat untuk menerangkan konsep bagi istilah tertentu. Perubahan jenis ini paling banyak menyebabkan berlakunya penyerapan kata asing ke dalam bahasa Melayu. Ini kerana sumber istilah Kajihayat/Biologi berasal daripada bahasa asing. Ini bermakna konsepnya sudah ada dalam bahasa asing. Oleh sebab itu, penyerapan istilah berkenaan dengan

sedikit penyesuaian dari segi ejaan dapat memastikan bahawa konsepnya dalam bahasa berkenaan juga dikekalkan. Walaupun kaedah penyerapan istilah ini mudah sebagai jalan penyelesaian untuk mengekalkan konsep atau makna istilah mengikut makna sumber, tetapi kaedah ini sering menimbulkan kecaburan makna terhadap istilah yang dibentuk. Misalnya, istilah ‘belakang’ (1968) yang diubah menjadi istilah ‘abaksial’ (1988). Dalam kes ini diperhatikan bahawa istilah ‘belakang’ lebih telus dan mudah difahami berbanding dengan istilah ‘abaksial’. Seseorang itu perlu menjadi individu dwibahasa untuk memahami istilah ‘abaksial’ secara terus. Berbeza dengan istilah ‘belakang’ yang boleh difahami secara terus tanpa perlu merujuk kamus tentang makna kata berkenaan. Fenomena telus dan kabur ini dihuraikan oleh Ullmann (1962 : 82) yang mengatakan bahawa antara beberapa faktor yang mengakibatkan kecaburan sesuatu kata ialah faktor pelbagai bahasa yang mempunyai kata yang berlainan bagi objek yang sama.

#### **6.1.1.3 Perubahan Yang Melibatkan Kategori Kata**

Perubahan jenis ini berlaku apabila suatu istilah yang diwakili oleh suatu kategori kata, misalnya kata akar digantikan dengan istilah daripada kategori kata berimbuhan. Misalnya, ‘kulit’ menjadi ‘kulitan’, ‘lekuk’ menjadi ‘pelekukan’, ‘ruapan’ menjadi ‘meruap’, ‘penyebaran biji’ menjadi ‘sebaran biji’ dan ‘persegiemenan’ menjadi ‘pensegiemenan’. Pemerhatian yang dibuat menunjukkan bahawa dalam menterjemah istilah berimbuhan dalam bahasa Melayu, proses penterjemahan sesuatu istilah itu dibuat secara satu-lawan-satu atau secara mendapatkan makna harfiah dan bukannya untuk mendapatkan ketepatan makna. Pemerhatian juga menunjukkan bahawa penambahan imbuhan boleh

menyebabkan perubahan makna yang mengakibatkan pembentukan istilah yang salah dari segi konsepnya, tetapi betul dari segi tatabahasa. Misalnya, perubahan istilah ‘leuk’ menjadi ‘pelekukan’ sebagai terjemahan bagi istilah sumber *indentation*. Analisis semantik menunjukkan bahawa istilah ‘pelekukan’ tidak mengandungi konsep yang ada pada istilah sumber, *indentation*. Dari segi tatabahasa pula, mengikut pedoman penterjemahan istilah, kata asing yang mempunyai akhiran *-tion* diterjemahkan sebagai pe ... an dalam bahasa Melayu. Ini akan menghasilkan kata daripada kelas kata yang sama, iaitu kelas kata nama. Dalam hal ini pembentuk istilah perlu menguasai dan tahu menggunakan alat tatabahasa yang ada dalam bahasa kita untuk membina atau menerbitkan kata atau istilah baru.

#### **6.1.1.4 Perubahan Yang Melibatkan Gabungan Faktor Di Atas atau Faktor Lain.**

Perubahan ini terjadi kerana terdapat lebih daripada satu jenis perubahan yang berlaku terhadap sesuatu istilah, atau perubahan akibat faktor-faktor lain seperti perubahan daripada istilah dalam bentuk kata tunggal menjadi bentuk kata jamak, misalnya felajela (bentuk jamak) menjadi flagelum (bentuk tunggal).

Kesemua jenis perubahan yang tersenarai di atas didapati menyokong pendapat McMahon (1994 : 11 – 13) yang mengatakan bahawa perubahan bahasa mempengaruhi semua aspek tatabahasa, iaitu sistem bunyi atau fonologi ; struktur perkataan atau morfologi; struktur ayat atau sintaksis ; dan makna atau semantik.

Daripada pemerhatian yang dibuat dalam kajian ini menunjukkan bahawa jenis perubahan yang paling kerap berlaku ialah perubahan yang melibatkan

gabungan faktor a – c dan faktor-faktor lain (45.2%), misalnya ‘otak hujong buritan’ menjadi ‘diensefalon’, ‘felajela’ menjadi ‘flagelum’, ‘gamet obam’ menjadi ‘oogamet’, ‘bergerak seperti ameba’ menjadi ‘pergerakan ameboid’ dan ‘salonadi agong’ menjadi ‘aorta’, dan perubahan yang melibatkan pemilihan lambang linguistik yang berlainan (36.5%), misalnya ‘belakang’ menjadi ‘abaksial’, ‘tembuni’ menjadi ‘amnion’, ‘melunjor’ menjadi ‘melata’ dan ‘kulit luar’ menjadi ‘epidermis’. Ini mungkin berpunca daripada tempoh 20 tahun (1968 – 1988) yang dikaji merupakan tempoh perkembangan pesat dunia peristilahan sains sebagai menyahut cabaran untuk menyesuaikan bahasa itu dengan tugas baru sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa yang dicita-citakan dapat menghadapi peradaban dunia moden. Kesimpulannya, istilah-istilah yang dibentuk pada peringkat awal (1968) mempunyai sasaran pengguna yang sangat terbatas, jumlah istilah yang dibentuk juga terbatas. Oleh sebab itu, konsep yang diteliti juga mungkin terbatas. Sebaliknya, istilah yang dibentuk 20 tahun kemudiannya pula (1988), mempunyai sasaran pengguna yang lebih luas, jumlah istilah yang lebih banyak dan merangkumi lebih banyak subbidang yang sudah pastinya mencakupi lebih banyak konsep untuk diteliti dan dibezaikan antara satu dengan lain. Penelitian konsep istilah satu per satu dalam sub-sub bidang yang berbeza memungkinkan berlakunya perubahan bentuk istilah.

Pendapat yang mengatakan bahawa apabila dirasakan perlu mengambil istilah asing, maka hendaklah seboleh-bolehnya diambil bentuk istilah antarabangsa dan disesuaikan dengan sistem bentuk dan sistem ejaan bahasa Melayu supaya istilah tersebut memperlihatkan etimologinya (Ismail Dahaman,

1992 : 26) memungkinkan berlakunya perubahan bentuk istilah daripada istilah yang menggunakan lambang linguistik dalam bahasa Melayu kepada lambang linguistik dalam bahasa asing. Selain itu, pemilihan istilah yang dibentuk melalui kaedah peminjaman istilah asing dapat membantu memudahkan rujukan kerana kebanyakan rujukan dalam bidang sains masih lagi dalam bahasa asing khususnya bahasa Inggeris.

#### **6.1.2 Istilah Yang Mengelakkan Bentuknya**

Daripada pemerhatian yang dibuat dalam kajian ini, didapati bahawa istilah yang mengelakkan bentuknya dapat dibahagikan kepada dua jenis, iaitu pertama, istilah yang dibentuk daripada kosa kata bahasa Melayu dan kedua, istilah yang dibentuk daripada kosa kata bahasa asing. Didapati bahawa istilah yang dibentuk daripada kosa kata bahasa Melayu merupakan kata yang lazim digunakan sehari-hari. Kata-kata tersebut kemungkinan dapat memberikan kesemua konsep makna yang ada pada istilah sumber. Misalnya, *backbone* – ‘tulang belakang’, *family* – ‘keluarga’, *stalk* – ‘tangkai’, dan *muscle* – ‘otot’. Sebaliknya istilah yang dibentuk daripada kosa kata asing pula merupakan kata yang khusus dan jarang digunakan umum. Misalnya, *chalaza* – ‘kalaza’, *heparin* – ‘heparin’, *pyrenoid* – ‘pirenoid’, dan *telson* – ‘telson’. Dalam kes ini, peminjaman istilah asing dibuat kerana kata dalam bahasa Melayu yang mempunyai kesemua konsep makna istilah sumber tersebut tiada atau belum ditemui. Pengekalan bentuk istilah daripada kata-kata umum yang telah mantap dan lazim digunakan dalam tulisan dan percakapan sehari-hari sememangnya wajar supaya tidak berlaku kejutan di kalangan pengguna bahasa. Selain itu, penyerapan kata-kata asing ke dalam bahasa Melayu

pula merupakan salah satu proses yang dapat memperkaya kosa kata bahasa Melayu.

### 6.1.3 Perubahan Semantik Istilah

Menurut Ullmann (1957, 1962) dalam McMahon (1994 : 174), perubahan semantik lebih mudah berlaku berbanding dengan bidang tatabahasa yang lain. Ini menyebabkan perubahan makna berlaku dengan lebih cepat dan mudah. Misalnya, bagi penutur asli bahasa Inggeris, perkataan *gay* bermaksud *bright, cheerful* sebelum tahun 60-an, tetapi kini ia membawa maksud umum *homosexual*.

Dapatan kajian membuktikan bahawa analisis komponen makna dapat menunjukkan sama ada sesuatu kata itu mempunyai keseluruhan konsep yang ada pada kata asal. Pemerhatian menunjukkan bahawa sebahagian besar perubahan yang dibuat adalah kerana sebahagian besar istilah yang dibentuk pada peringkat awal (1968) tidak memenuhi konsep sebenar istilah berkenaan. Ada juga istilah yang sama maknanya untuk kedua-dua tahun berkenaan, tetapi perubahan dibuat kerana mengambil kira faktor-faktor lain, seperti faktor ekonomi bahasa, iaitu kata yang lebih pendek dipilih untuk menggantikan kata yang lebih panjang, misalnya istilah ‘diencefalon’ menggantikan istilah ‘otak hujong buritan’. Faktor pemilihan istilah yang lebih mudah difahami juga diambil kira, misalnya istilah ‘haiwan menceruh’ yang diubah menjadi ‘ruminan’. Istilah ‘ruminan’ lebih difahami berbanding istilah ‘haiwan menceruh’. Walau bagaimanapun, istilah ‘haiwan menceruh’ perlu dikenalkan sebagai istilah sinonim bagi ‘ruminan’ supaya kata tersebut tidak terus pupus dan tidak dikenali oleh generasi akan

datang. Kehilangan kata berkenaan boleh mengakibatkan kerugian terhadap perkembangan kosa kata bahasa Melayu. Selain itu faktor lain yang mempengaruhi perubahan istilah ialah pemilihan kata yang lebih khusus untuk menggantikan kata yang lebih umum, misalnya kata ‘palatin’ yang merujuk khusus pada sesuatu yang berkaitan dengan ‘lelangit’, dan bukannya kata ‘lelangit’ yang hanya merujuk pada kata ‘lelangit’ secara umum. Faktor seterusnya ialah pemilihan kata yang lebih teknikal atau lebih berupa istilah berbanding dengan kata umum. Misalnya, kata ‘abaksial’ yang lebih teknikal telah dipilih untuk menggantikan kata ‘belakang’ yang merupakan kata umum. Dalam kes ini, kata yang dipilih seboleh-bolehnya sama dengan istilah sumber dari segi bentuk visual dan sebutan untuk memudahkan rujukan.

#### **6.1.4 Pola Kepelbagai Istilah Tahun 60-an Berbanding 80-an**

Bahagian ini menjawab persoalan ketiga, iaitu adakah terdapat persamaan atau perbezaan bentuk bahasa dalam dua tempoh masa berkenaan. Daripada pemerhatian yang dibuat didapati bahawa istilah yang dibentuk pada tahun 60-an lebih banyak menggunakan kata-kata bahasa Melayu yang kemudiannya diubah menjadi kata berbentuk pinjaman (khususnya daripada bahasa Inggeris) pada tahun 80-an. Fenomena ini berlaku mungkin disebabkan oleh perbezaan individu dalam jawatankuasa yang membentuk istilah tersebut. Menurut Puteri Roslina (1994 : 54 – 55) terdapat tiga golongan pemikiran yang terlibat dalam pembentukan istilah. Golongan pertama merupakan golongan konservatif atau tulen yang berpendapat bahawa bahasa Melayu mestilah mengandungi kata-kata bahasa Melayu sahaja. Golongan kedua pula ialah golongan progresif yang begitu

mudah menerima masuk unsur asing ke dalam bahasa Melayu dengan alasan bahawa bahasa Melayu tidak mampu menjadi bahasa ilmu. Manakala golongan ketiga pula ialah golongan sederhana yang menterjemahkan istilah asing ke dalam bahasa Melayu setelah mengkajinya dengan teliti. Kesimpulan yang dapat dibuat ialah, golongan pertama merupakan golongan yang terlibat dalam pembentukan istilah pada tahun 60-an, manakala pembentukan istilah pada tahun 80-an pula lebih banyak melibatkan golongan kedua atau ketiga.

Selain itu, perubahan pedoman yang digunakan sebagai panduan dalam kerja-kerja peristikahan juga menyebabkan berlakunya perubahan tersebut. Perubahan yang dibuat terhadap pedoman penyediaan istilah itu mungkin meliputi penambahan atau pemberian demikian untuk meninggikan kualiti istilah yang bakal dibentuk. Pada tahun 60-an pembentukan istilah adalah berpandukan pedoman-pedoman yang dibentuk dari masa ke masa oleh sesuatu jawatankuasa yang terlibat dalam pembentukan istilah tertentu. Misalnya, dalam pembentukan istilah Kajihayat, panduan yang digunakan ialah *Pedoman Membentok Istilah2 Baharu Dewan Bahasa Dan Pustaka* (1968). Manakala pada tahun 80-an, pembentukan istilah adalah berpandukan tatacara pembentukan istilah yang diterbitkan pada tahun 1972, iaitu *Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu*. Pedoman tersebut digubal oleh ahli bahasa dan pakar ilmu pengetahuan lain, bukan sahaja dari Malaysia, tetapi juga dari Indonesia, berdasarkan disiplin fikiran, disiplin akademik, disiplin bahasa, dan berdasarkan pertimbangan sosiolinguistik (Awang Sariyan, 1992 : 14).

## **6.1.5 Perhubungan Antara Perubahan Morfologi dengan Perubahan Semantik**

### **Istilah**

Hasil kajian menunjukkan bahawa perubahan morfologi istilah tidak semestinya mengakibatkan perubahan semantik istilah berkenaan. Dengan perkataan lain, perubahan semantik sesuatu istilah itu bergantung pada jenis perubahan morfologi yang berlaku terhadap kata berkenaan. Perubahan morfologi akibat faktor sejarah seperti perubahan ejaan tidak menyebabkan perubahan makna. Misalnya, ‘asidiam’ menjadi ‘aesidium’, ‘luroh’ menjadi ‘luruh’, ‘salor separoh bulat’ menjadi ‘salur separuh bulat’, ‘usus kechil’ menjadi ‘usus kecil’ dan ‘keriptozit’ menjadi ‘kriptozoit’. Perubahan yang berlaku hanya sekadar perubahan bentuk kata akibat perubahan sistem formal bahasa Melayu yang tidak melibatkan perubahan makna kata berkenaan. Bagi perubahan morfologi yang melibatkan perubahan pemilihan lambang kata didapati bahawa perubahan semantik yang berlaku adalah mengikut pola yang sama bagi setiap kata. Misalnya, perubahan kata ‘belakang’ menjadi ‘abaksial’, ‘peti-suara’ menjadi ‘larinks’, ‘rahang bawah’ menjadi ‘mandibel’ dan ‘kepompong’ menjadi ‘pupa’. Dari segi semantik, perubahan ini mengakibatkan perubahan daripada kata umum kepada kata teknikal. Seterusnya perubahan ini menyebabkan terjadinya perubahan kata yang telus kepada kata yang kabur maknanya. Perubahan daripada kategori yang melibatkan kumpulan kata pula menyebabkan perubahan semantik mengikut jenis pengimbuhan yang berlaku. Misalnya, perubahan istilah ‘penyebaran biji’ (imbuhan pe ... an) kepada ‘sebaran biji’ (imbuhan –an) merupakan perubahan semantik daripada kata yang bermakna ‘proses menyediakan biji’ kepada kata

yang bermaksud ‘hasil penyebaran biji’. Contoh lain ialah bagi istilah ‘kulit’ yang berubah menjadi ‘kulitan’ (akhiran –an), perubahan semantik yang berlaku ialah perubahan daripada kata yang bermaksud kulit (kata akar) kepada kata yang bermakna ‘hasil kulit’. Menurut McMahon (1994 : 69) fakta morfologi tidak dapat diasingkan sepenuhnya daripada sintaksis dan fonologi serta semantik. Menurut Anderson (1992) dalam McMahon (1994 : 69) pula, teori tentang perubahan morfologi tidak berkembang dengan baik, dan keputusan sebenar atau prinsip yang mantap tentangnya sukar untuk didapati. Ringkasnya, teori-teori yang jelas tentang perubahan struktur morfologi dalam konteks tatabahasa formal yang lengkap adalah masih agak baru dan penulisan tentang perubahan dalam sistem seperti itu masih agak terhad.

## 6.2 CADANGAN

Kajian ini dijangka dapat dimanfaatkan oleh penggubal istilah, terutama pegawai di Bahagian Peristikahan, Dewan Bahasa dan Pustaka, ahli-ahli Jawatankuasa Istilah yang lazimnya terdiri daripada pensyarah-pensyarah institusi pengajian tinggi serta sesiapa sahaja yang terlibat dalam penggubalan istilah. Berikut ialah beberapa cadangan yang dapat diringkaskan daripada hasil kajian ini :

- (i) Analisis semantik (khususnya analisis komponen) perlu dibuat dalam pembentukan istilah kerana daripada analisis tersebut didapati bahawa konsep sesuatu istilah dapat diketahui tepat atau sebaliknya. Ini dijangka dapat mengatasi masalah penggantian istilah yang betul dengan istilah yang tidak tepat. Misalnya, istilah ‘pelekukan’ menggantikan istilah ‘leuk’. Istilah yang menggunakan kata bahasa Melayu atau bahasa serumpun yang

mempunyai kesemua konsep istilah sumber seelok-eloknya tidak digantikan dengan istilah bahasa asing demi untuk memasyarakatkan istilah tersebut dan memperkenalkannya kepada generasi akan datang. Jika masih menimbulkan masalah, kata tersebut seelok-eloknya dikekalkan sebagai sinonim kepada istilah yang dipinjam supaya kata berkenaan tidak terus pupus. Misalnya, istilah ‘haiwan menceruh’ disinonimkan dengan istilah ‘ruminan’, ‘kepompong’ disinonimkan dengan ‘pupa’. Tambahan pula penggantian istilah daripada kata bahasa Melayu dengan istilah daripada kata asing lazimnya menimbulkan kekaburuan makna. Misalnya, kata ‘abaksial’ yang menggantikan kata ‘belakang’. Selain itu, fenomena ini yang dikenali sebagai ketelusan dan kekaburuan makna (Ullmann, 1962 : 80) amat perlu diambil kira dalam pembentukan istilah memandangkan kebanyakan generasi masa kini terdiri daripada individu yang bukan dwibahasa. Oleh sebab itu, istilah yang dibentuk perlulah mesra pengguna, iaitu mudah difahami selain memiliki ciri-ciri asas yang perlu ada pada istilah, iaitu tepat dan serasi konsep.

- (ii) Semakan semula istilah Biologi tahun 1988 perlu difikirkan semula memandangkan istilah-istilah tersebut telah melewati tempoh 10 tahun. Semakan semula bolehlah mengambil kira penambahan istilah-istilah baru dalam bidang Biologi mengikut perkembangan teknologi semasa.
- (iii) Walaupun perubahan istilah yang melibatkan faktor sejarah tidak lagi berlaku kini, perubahan yang melibatkan faktor-faktor lain seharusnya dibuat dari masa ke masa jika didapati perlu demi untuk menghasilkan istilah yang

lebih tepat dan sesuai yang seterusnya dapat menunjukkan imej bahasa Melayu yang lebih baik. Dengan itu, bahasa Melayu dijangka dapat mencapai matlamat untuk menjadi bahasa dalam peradaban dunia moden.

- (iv) Seterusnya, demi untuk meningkatkan mutu kerja peristikahan dicadangkan supaya kajian demi kajian dijalankan tentang perubahan istilah. Kajian tersebut boleh dibuat terhadap bidang lain dan seierusnya dibuat perbandingan untuk melihat adakah dapatan yang sama dihasilkan. Rumusan yang dihasilkan mungkin dapat membantu dalam usaha pembentukan istilah-istilah dalam bidang-bidang yang baru muncul atau membaiki istilah yang ada dalam usaha penyemakan semula istilah-istilah yang telah diterbitkan. Selain itu, kajian lain yang berkaitan yang mungkin boleh dibuat ialah tentang kualiti istilah baru yang dibentuk untuk menggantikan istilah lama. Dengan perkataan lain, adakah kualiti istilah baru itu lebih baik berbanding dengan istilah lama.
- (v) Kajian menunjukkan bahawa dalam beberapa kes, pembentukan semula istilah baru menggantikan istilah lama adalah perlu dibuat, dan ada juga yang didapati tidak perlu. Oleh itu, kajian demi kajian perlu dijalankan yang akhirnya diharap dapat menghasilkan sebuah pedoman untuk membenarkan penciptaan semula istilah atau sebaliknya secara teratur dan terkawal.

### 6.3 PENUTUP

Bahasa yang hidup sentiasa berkembang. Sejarah perkembangan bahasa Melayu juga telah membuktikan bahawa telah berlaku perubahan kata atau istilah yang tertentu, misalnya ‘tetuang udara’ menjadi ‘radio’, ‘siasah’ menjadi ‘politik’ dan

'kalam' menjadi 'pensel' (Awang Sariyan, 1992 : 18 – 19). Fenomena perkembangan bahasa ini lazimnya menyebabkan berlakunya perubahan bahasa, sama ada bahasa pertuturan atau tulisan. Bahasa pertuturan lebih mudah berubah kerana ia berlaku secara spontan, sebaliknya bahasa tulisan lebih lambat mengalami perubahan kerana ia dilakukan secara berhati-hati mengikut panduan-panduan tertentu. Istilah tergolong ke dalam kategori bahasa tulisan. Istilah dibentuk melalui sistem konsep sesuatu kata dan dicipta secara terancang untuk golongan tertentu. Seboleh-bolehnya, selagi konsep sesuatu istilah itu tidak berubah, istilah berkenaan tidak akan diubah. Selain berpegang pada panduan yang ditetapkan untuk membentuk istilah, ada banyak faktor lain yang perlu diambil kira. Antara yang paling utama ialah faktor kepenggunaan istilah atau penerimaan masyarakat terhadap sesuatu istilah yang dicipta. Hanya masa dan pengguna yang dapat menentukan kesesuaian sesuatu istilah. Tanpa mengambil kira faktor pengguna dalam penciptaan istilah, maka istilah yang dicipta hanya sekadar untuk tujuan dokumentasi dan tidak akan dapat dimasyarakatkan. Sekiranya istilah-istilah tidak dapat dimasyarakatkan, maka hilanglah salah satu fungsi untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa teknologi tinggi.

Secara keseluruhan didapati bahawa perubahan istilah yang berlaku mempunyai faktor-faktor penyebab yang dapat diuraikan dari segi linguistik. Pemerhatian menunjukkan bahawa perubahan istilah dibuat adalah bertujuan untuk menghasilkan istilah yang lebih tepat dan sesuai dari segi ilmu linguistik dan sosiologi bahasa. Ini dibuktikan dengan wujudnya sejumlah istilah yang dikekalkan bentuknya, yang menerangkan bahawa istilah yang sudah mantap dan teruji kesesuaianya tidak akan

diganggu gugat lagi walau oleh mana-mana jawatankuasa istilah dalam tempoh masa yang berlainan. Perbandingan antara istilah yang dikekalkan bentuknya dengan istilah yang berubah dapat membuktikan bahawa perubahan yang dibuat terhadap sesuatu istilah bukanlah secara sewenang-wenang.